

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN M. KULASEGARAN
[IPOH BARAT]

TARIKH : 19.11.2015

SOALAN :

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status atau perkembangan terkini ke atas peruntukan yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan untuk pembangunan sekolah Tamil iaitu sejumlah RM100 juta pada tahun 2012 dan 2013 dan RM50 juta pada tahun 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha memastikan pembangunan semua sekolah di seluruh negara termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) mendapat keperluan yang kondusif. Sehubungan itu, kerajaan telah menurunkan peruntukan sebanyak RM250 juta khas untuk pembangunan SJKT dari tahun 2012 hingga tahun 2014 di bawah Pakej Rangsangan Khas (PRK) yang diumumkan semasa ucapan bajet oleh Menteri Kewangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 473 projek telah diluluskan dari tahun 2012 hingga tahun 2014 menggunakan peruntukan ini. Perkara ini meliputi 391 projek penyelenggaraan sekolah dan 82 projek pembinaan blok tambahan atau bangunan sekolah di tapak baru menggunakan peruntukan tersebut. Kos bagi menampung kesemua projek ini adalah sebanyak RM317.22 juta. 183 projek penyelenggaraan sekolah telah siap manakala selebihnya masih dalam proses pembinaan atau dalam proses agihan peruntukan kepada sekolah atau Lembaga Pengelola Sekolah. Jika dilihat, peruntukan PRK yang disalurkan tidak cukup untuk menampung keseluruhan kesemua projek yang telah diluluskan.

RJM47

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN ANYI NGAU
(BARAM)**

TARIKH : 19.11.2015

SOALAN : 17

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan apakah rancangan pihak Kementerian untuk memperluaskan penyambungan bekalan elektrik di kawasan Baram terutamanya di Long Bemang, Long Ikang, Long Bedian dan Long Wan

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Khusus bagi pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar, Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk mencapai liputan bekalan elektrik mencapai 99% di negeri Sarawak pada akhir tahun 2019. Penekanan akan diberikan kepada kampung-kampung di pedalaman negeri Sarawak yang masih belum mendapat kemudahan bekalan elektrik 24 jam.

Dalam tempoh RMK -11, Kementerian juga telah menyenaraikan pelaksanaan projek BELB sistem solar hibrid di Long Bemang, Long Iking, Long Bedian dan Long Wan di daerah Baram. Pelaksanaan projek ini akan dibuat secara berperingkat-peringkat berdasarkan kepada peruntukan tahunan yang diluluskan oleh Kerajaan.